



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKE TAHUN PERTAMA 2024

**Sejumlah 8.94 juta jawatan dicatatkan pada suku tahun pertama 2024,
rekod tertinggi sejak 2018**

PUTRAJAYA, 15 Mei 2024 – Sejumlah 8.94 juta jawatan dicatatkan pada suku tahun pertama 2024, rekod tertinggi sejak 2018, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Pertama 2024** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Jumlah jawatan meningkat sebanyak 1.5 peratus atau bersamaan dengan 131.7 ribu dari tahun ke tahun pada suku tahun pertama 2024 mencatatkan sebanyak 8.94 juta jawatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya (ST1 2023: 8.81 juta). Pertumbuhan dalam bilangan jawatan ini menunjukkan permintaan buruh di Malaysia dijangka semakin menggalakkan pada tahun 2024, selari dengan ekonomi Malaysia yang diramalkan akan berkembang pada kadar yang lebih cepat iaitu dari 4 hingga 5 peratus berikutan permintaan luar dan pelaburan yang lebih besar.”

Mengulas mengenai situasi jawatan mengikut aktiviti ekonomi, bilangan jawatan diisi berada pada trend menaik, dengan prestasi tahun ke tahun meningkat sebanyak 1.5 peratus daripada 8.61 juta pada ST1 2023 kepada 8.75 juta pada ST1 2024. Sementara itu, bilangan kekosongan jawatan pada suku tahun ini terus berada pada trend menurun, dengan penurunan marginal sebanyak 0.4 peratus kepada 191.9 ribu kekosongan jawatan (ST1 2023: 192.6 ribu). Namun begitu, kadar jawatan diisi kekal tinggi seperti suku tahun sebelumnya pada kadar 97.9 peratus manakala kadar kekosongan jawatan adalah sebanyak 2.1 peratus. Selain itu, bilangan pewujudan jawatan pada suku tahun ini juga meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada 32.1 ribu (ST1 2023: 31.7 ribu).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan berkata bahawa bilangan jawatan diisi kekal stabil selari dengan perkembangan situasi ekonomi semasa yang turut digambarkan oleh pertumbuhan tahun ke tahun yang positif dalam semua sektor ekonomi pada suku tahun ini. Sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada 4.0 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan (1.8%) dan Pembuatan (1.1%). Berdasarkan perincian jawatan diisi mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan merupakan komposisi terbesar yang merangkumi 52.7 peratus atau bersamaan dengan 4.61 juta, diikuti oleh Pembuatan (26.9%; 2.35 juta) dan Pembinaan (14.2%; 1.24 juta). Daripada jumlah jawatan diisi, kategori separuh mahir mendahului dengan 5.48 juta jawatan (62.7%), diikuti oleh mahir dengan 2.19 juta (25.1%) dan berkemahiran rendah dengan 1.07 juta (12.2%).

Mengulas dengan lebih lanjut mengenai kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, beliau menambah, "Kekosongan jawatan pada suku tahun ini susut sebanyak 0.4 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan sebanyak 191.9 ribu kekosongan jawatan berbanding ST1 2023 (192.6 ribu). Mengikut kategori kemahiran, sejumlah 107.5 ribu kekosongan jawatan merangkumi 56.0 peratus daripada jumlah kekosongan jawatan tertumpu pada kategori separuh mahir, diikuti oleh mahir dengan 24.9 peratus (47.8 ribu) dan 19.1 peratus (36.6 ribu) bagi berkemahiran rendah. Melihat kepada pecahan mengikut aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang utama bagi kekosongan jawatan dengan 56.7 peratus (108.8 ribu) terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (33.4 ribu). Sektor Pertanian menduduki tempat kedua dengan 16.7 peratus kekosongan jawatan (32.1 ribu) diikuti oleh Pembinaan dengan 13.4 peratus (25.7 ribu).

Sementara itu, Ketua Perangkawan menjelaskan bahawa terdapat 32.1 ribu pewujudan jawatan pada suku tahun ini, meningkat sebanyak 1.3 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya (ST1 2023: 31.7 ribu). Bagi perincian mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 61.9 peratus dengan 19.9 ribu, diikuti oleh mahir dan berkemahiran rendah masing-masing pada kadar 27.6 peratus (8.9 ribu) dan 10.5 peratus (3.4 ribu). Mengikut pecahan aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan mencatatkan komposisi terbesar dalam pewujudan jawatan pada 49.5 peratus (15.9 ribu), terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit (9.0 ribu). Seterusnya, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 33.3 peratus, mencatatkan 10.7 ribu jawatan baharu didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal dengan 3.7 ribu pewujudan jawatan manakala sektor Pembinaan merangkumi 11.9 peratus jawatan yang diwujudkan (3.8 ribu).

Merumuskan kenyataannya mengenai penerbitan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Momentum positif bagi semua indikator dalam permintaan buruh pada suku tahun ini menunjukkan prestasi sektor ekonomi yang semakin

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Rabu, 15 Mei 2024**

menggalakkan. Ia selari dengan peningkatan bilangan penduduk bekerja iaitu sebanyak 0.3 peratus yang dilaporkan dalam Laporan Tenaga Buruh Suku Tahunan, ST1 2024. Selain itu, peningkatan jumlah pekerja sebanyak 1.7 peratus tahun ke tahun bagi sektor Perkhidmatan dalam Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, ST1 2024 juga selari dengan momentum positif ini. Memandang ke hadapan, prestasi pasaran buruh diharap terus kekal positif, dengan sokongan oleh pelbagai inisiatif berkaitan buruh seperti inisiatif Bina Kerjaya dan Sokongan Pekerjaan yang diumumkan di bawah Bajet 2024.”

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST1 2024




Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kemahiran, ST1 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 15 Mei 2024

Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2024 (% Sumbangan)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 MEI 2024**



MEDIA STATEMENT EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA FIRST QUARTER OF 2024

A total of 8.94 million jobs was recorded during the first quarter of 2024, the highest recorded since 2018

PUTRAJAYA, 15 May 2024 – A total of 8.94 million jobs was recorded during the first quarter of 2024, the highest recorded since 2018, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **Employment Statistics, First Quarter of 2024** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing of the number of jobs, filled jobs, jobs vacancy and jobs created indicators by skills category and economic activity.

In a statement today, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The number of jobs uptick by 1.5 per cent or equivalent to 131.7 thousand during the first quarter of 2024 registering 8.94 million jobs compared to the corresponding quarter last year (Q1 2023: 8.81 million). The growth in the number of jobs indicated that the labour demand in Malaysia may continue to be favourable in 2024, as Malaysia’s economy is predicted to expand at a quicker rate of 4 to 5 per cent subsequent to the external demand and greater investment.”

Commenting on the job situation by economic activity, the number of filled jobs was on an upward trend, with a year-on-year performance rose by 1.5 per cent from 8.61 million in Q1 2023 to 8.75 million in Q1 2024. Meanwhile, the number of jobs vacancy during this quarter continued to be on a downtrend, with a marginal decrease of 0.4 per cent to record 191.9 thousand vacancies (Q1 2023: 192.6 thousand). Nevertheless, the filled jobs rate remained high as in the prior quarter at 97.9 per cent while the vacancy rate was 2.1 per cent. In addition, the number of jobs created for this quarter has increased by 1.3 per cent to 32.1 thousand (Q1 2023: 31.7 thousand).

Adding to this, the Chief Statistician stated that the number of filled jobs remained stable in line with the development of current economic situation which was also portrayed by a positive year-on-year growth in all economic sectors during this quarter. The Agriculture sector registered the highest growth at 4.0 per cent, followed by Services (1.8%) and Manufacturing (1.1%). Disaggregating the filled jobs by economic

sector, Services sector emerged as the largest composition comprising of 52.7 per cent or equivalent to 4.61 million, followed by Manufacturing (26.9%; 2.35 million) and Construction (14.2%; 1.24 million). Out of the total number of filled jobs, the semi-skilled category led the chart with 5.48 million jobs (62.7%), followed by skilled with 2.19 million (25.1%) and low-skilled with 1.07 million (12.2%).

Explaining further on jobs vacancy by economic activity, he added, “Jobs vacancy during this quarter edged down by 0.4 per cent year-on-year to record 191.9 thousand vacancies as compared to Q1 2023 (192.6 thousand). By skills category, a total of 107.5 thousand vacancies, constituting 56.0 per cent of the total vacancies were concentrated in the semi-skilled category, followed by skilled at 24.9 per cent (47.8 thousand) and 19.1 per cent (36.6 thousand) in low-skilled. Looking at the breakdown by economic activities, the Manufacturing sector retained its position as the primary driver in jobs vacancy with 56.7 per cent (108.8 thousand) particularly in the Electrical, electronic and optical products sub-sector (33.4 thousand). Agriculture sector ranked second with 16.7 per cent vacancies (32.1 thousand) followed by Construction with 13.4 per cent (25.7 thousand).”

In the meantime, the Chief Statistician further highlighted that there were 32.1 thousand jobs created during this quarter, rose by 1.3 per cent against the same quarter of previous year (Q1 2023: 31.7 thousand). From the viewpoint of skills category, the semi-skilled category made up the biggest share at 61.9 per cent with 19.9 thousand, followed by skilled and low-skilled at 27.6 per cent (8.9 thousand) and 10.5 per cent (3.4 thousand) respectively. Across the economic activity, the Services sector registered the largest composition of jobs created at 49.5 per cent (15.9 thousand), mainly in the Wholesale and retail trade sub-sector (9.0 thousand). Followed suit by the Manufacturing sector with a share of 33.3 per cent, creating 10.7 thousand new jobs dominated by sub-sector of Electrical, electronic, and optical products with 3.7 thousand jobs created whereas Construction sector encompassed 11.9 per cent of jobs created (3.8 thousand).

Summarising his statement on today’s release, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The positive momentum of all indicators in labour demand during this quarter signified the continuity of favourable performance in the economic sector. This was also in tandem with the increase of employed persons by 0.3 per cent which was reported in the Quarterly Labour Force Report, Q1 2024. Besides, the increase of the number of persons engaged by 1.7 per cent year-on-year in Services sector in Quarterly Services Statistics, Q1 2024 also parallel with this positive momentum. Looking ahead, the performance of the labour market may remain positive, steered by various labour-related initiatives such as Career Building initiative and Employment Support which was announced under the Budget 2024.”

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 15th May 2024

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Exhibit 1: Employment Statistics, Q1 2024




Exhibit 2: Labour Demand by Skill, Q1 2024





Exhibit 3: Labour Demand by Economic Activity, Q1 2024 (% Share)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
15 MAY 2024**